

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian dapat meluluskan sebuah pusat pengagihan (*distribution centre*), kilang ais (*ice plant*) dan bilik sejuk (*cold room*) untuk dibina di Kg. Penipah, Pulau Brait, Sarawak bagi kegunaan nelayan dari 10 buah kampung di situ bagi membantu menaik taraf hidup para nelayan dari di perah hasil keringat mereka melalui kehadiran orang tengah

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan kerja-kerja pembinaan dan menaiktaraf jeti di Kampung Brait pada tahun 2013 dan kemudahan yang disediakan adalah jeti, bangunan pemasaran dan tempat pemprosesan yang melibatkan kos sebanyak RM667,878.00.

Sekiranya terdapat cadangan untuk mewujudkan pusat pengagihan (*distribution centre*), kilang ais (*ice plant*) dan bilik sejuk (*cold room*), maka permohonan boleh dibuat melalui Persatuan Nelayan Kawasan Brait.

LKIM juga mendapati bahawa Kampung Brait merupakan tempat yang sesuai di mana selain memudahkan pengoperasian dan pemantauan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Brait, nelayan di Kg. Penipah dan 10 buah kampung yang berhampiran boleh menggunakan kemudahan yang disediakan di jeti Kampung Brait tersebut dan menjadikan ia sebagai pusat pengagihan hasil tangkapan yang sistematik.